

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab perkhidmatan feri Pulau Pinang tergendala buat pertama kali dalam sejarah, kosnya dan tindakan yang akan diambil, khususnya jaminan bahawa perkhidmatan feri tidak akan dihentikan serta status pemindahan operasi kepada Penang Port Sdn Bhd.

**JAWAPAN**

**Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang kini dikendalikan oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat di bawah Prasarana Malaysia Berhad.

2. Operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang telah tergendala buat pertama kalinya pada 24 Ogos 2020 apabila dua (2) buah feri yang beroperasi telah mengalami kerosakan. Kronologi operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang tergendala akibat daripada feri yang rosak adalah seperti berikut:

| <b>Tarikh</b> | <b>Catatan</b>   |
|---------------|--|
| 23 Ogos 2020  | Dua (2) buah feri beroperasi pada waktu siang iaitu feri Pulau Undan dan Pulau Angsa. Pada waktu malam, hanya Pulau Angsa yang beroperasi dan tamat pada jam 12.50 pagi.   |
| 24 Ogos 2020  | <p>Pada jam 1 pagi, Pihak Pengurusan Rapid Ferry dimaklumkan tentang kerosakan berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pulau Angsa – Sistem Penapisan</li> <li>b) Pulau Undan – Sistem Enjin</li> </ul> <p>Kerja-kerja pembaikan telah dilakukan dengan segera namun tidak berjaya. Hal ini kerana sistem penapisan feri Pulau Angsa tersumbat teruk dan memerlukan khidmat penyelam untuk kerja pembersihan dari dasar feri.</p> <p>Pada jam 5 pagi, Pihak Pengurusan Rapid Ferry telah menyelaraskan perkhidmatan bas Rapid Penang untuk membawa penumpang feri.</p> |
| 25 Ogos 2020  | Feri Pulau Angsa berjaya dibaiki dan mula beroperasi pada awal pagi.   |

|              |   |
|--------------|---|
| 29 Ogos 2020 | Feri Pulau Undan mula beroperasi setelah pembaikan fabrikasi dilakukan. Namun, kekerapan operasi dikurangkan kerana feri ini memerlukan penggantian shaf utama yang masih dalam proses fabrikasi. |
|--------------|---|

3. Sebagai langkah proaktif daripada kejadian di atas, Rapid Ferry telah melakukan kerja-kerja pembaikan sebuah lagi feri iaitu Pulau Talang-Talang sebagai feri sandaran. Feri tersebut telahpun mula beroperasi setelah kerja pembaikan diselesaikan sepenuhnya pada bulan Oktober 2020.

4. Kos penyelenggaraan dan pembaikan bagi Feri Pulau Angsa dan Feri Pulau Undan adalah sebanyak RM 30 ribu sebulan masing-masing manakala kos pembaikan bagi Feri Pulau Talang Talang adalah dianggarkan berjumlah RM 800 ribu.

5. Bagi pemantauan berterusan operasi perkhidmatan feri, Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) juga telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja yang dipengerusikan bersama oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pengurus Besar SPPP. Jawatankuasa tersebut turut dianggotai oleh Ahli Lembaga SPPP serta wakil daripada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) dan Rapid Ferry Sdn. Bhd. manakala ahli-ahli lain akan dijemput berdasarkan keperluan.

6. Bagi memastikan kelangsungan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang, pihak Kementerian Pengangkutan telah pun melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu termasuk mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merangka pelan jangka pendek dan panjang bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan feri sedia ada.

7. Satu perbincangan khas di antara YB Menteri Pengangkutan dan YAB Ketua Menteri Pulau Pinang turut telah diadakan pada 27 Ogos 2020. Antara isu yang telah dibincangkan semasa perbincangan tersebut adalah berhubung hala tuju dan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang.

8. Perbincangan tersebut antara lain telah memutuskan bahawa PPSB hendaklah memulakan proses pengambilalihan semula operasi feri Pulau Pinang bermula 1 Januari 2021 dan hendaklah mengemukakan model perniagaan perkhidmatan feri yang baharu sepertimana keputusan perbincangan yang sama.

9. Sementara menunggu pengoperasian perkhidmatan feri yang baharu oleh PPSB, pihak Prasarana Malaysia Berhad akan meneruskan operasi perkhidmatan feri seperti *modus operandi* sedia ada sehingga 31 Disember 2020.

10. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memberi jaminan bahawa operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang akan diteruskan tanpa sebarang halangan demi kesejahteraan rakyat Malaysia dan rakyat Pulau Pinang, secara khususnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab pembatalan pengumuman Belanjawan 2020 yang memperuntukkan RM100 juta untuk membina kereta kabel Bukit Bendera dan jaminan RM10 bilion Kerajaan Persekutuan untuk menampung kos Transport Master Plan (TMP) Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman YB Bagan, penularan wabak Covid-19 telah memberikan kesan yang besar di seluruh dunia terutama dari segi impak kepada ekonomi negara. Kegiatan ekonomi yang terjejas menyebabkan hasil Kerajaan berkurang, dan pada masa yang sama Kerajaan perlu memberikan keutamaan untuk melaksanakan program-program dan inisiatif bagi membendung penularan wabak Covid-19 ini, terutamanya bagi menyokong keperluan kesihatan dan kebajikan rakyat.
2. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menyemak semula beberapa inisiatif dan langkah yang telah diperkenalkan dalam Belanjawan 2020 termasuk projek kereta kabel Bukit Bendera, Malaysians@work, serta beberapa inisiatif yang lain bagi membolehkan keutamaan kepada program yang dapat menangani penularan wabak dan memulihkan semula kedudukan ekonomi negara yang terjejas berikutan wabak Covid-19 yang melanda negara.

Sekian, terima kasih.